

**Najib Dan Isteri Hadir Majlis Rumah Terbuka Kementerian Pelajaran  
Bernama  
3 September, 2012**

PUTRAJAYA, 3 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor hadir pada jamuan Aidilfitri Kementerian Pelajaran di sini pada Isnin.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pelajaran Tan Sri Muhyiddin Yassin serta isteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman.

Pada majlis itu, Muhyiddin menyampaikan duit raya kepada pelajar sekolah antaranya dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sungai Chua, Sekolah Kebangsaan Sungai Ramal Dalam dan Sekolah Kebangsaan Seksyen 7 Bandar Baru Bangi.

Majlis turut dihadiri kira-kira 5,000 tetamu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=691572>